

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Ketua Polis Negara Bahagian Kewangan
Pengarah Jabatanarah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)
Semua Ketua Perwakilan Luar Negeri
Semua Ketua Akauntan/Akauntan Kanan Jabatan Mengakaun Sendiri
Semua Pengarah Cawangan/Jabatan Akauntan Negara
Semua Pusat Gaji



Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan,

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA
SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BIL. 3 TAHUN 2001
PERATURAN PEMBAYARAN BAYARAN KHAS PRESTASI BAGI TAHUN 2001 KEPADA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM
PERSEKUTUAN KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI DAN SETARAF**

1. TUJUAN

- 1.1. Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk menetapkan peraturan pembayaran Bayaran Khas Prestasi 2001 kepada Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf.
- 1.2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersamaan dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2001, Bayaran Khas Prestasi 2001.

2. ASAS PERKIRAAN BAYARAN KHAS PRESTASI

- 2.1. Kadar Bayaran Khas Prestasi yang perlu dibayar hendaklah dikira berdasarkan kepada gaji pokok (termasuk elau memangku) yang telah dibayar bagi bulan November 2001 kecuali pegawai yang tidak lagi berkhidmat pada bulan November 2001, perkiraan adalah berdasarkan kepada gaji pokok terakhir.
- 2.2 Kadar pembayaran Bayaran Khas Prestasi bagi tahun 2001 telah ditetapkan sebanyak setengah bulan gaji.

3. PERATURAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN BAYARAN KHAS PRESTASI

- 3.1. Pembayaran akan dibuat separuh pada 22 November 2001 dan separuh lagi pada 10 Disember 2001. Dalam membuat pembayaran ini, peraturan-peraturan berikut telah dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat:-

3.1.1. Cukai Pendapatan

- 3.1.1.1. Cukai pendapatan tidak perlu dipotong dari amaun Bayaran Khas Prestasi yang hendak dibayar, tetapi Bayaran Khas Prestasi tersebut hendaklah diambilkira dalam Penyata Pendapatan Tahunan.

3.1.2. Potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

- 3.1.2.1. Di bawah tafsiran 'upah' dalam seksyen 2, Akta KWSP 1991, Bayaran Khas Prestasi tahun 2001 ini adalah dikenakan caruman KWSP. Potongan caruman pekerja dan bayaran caruman majikan perlu dibuat sewajarnya.

3.1.3. Penyata Perubahan (Kew.8)

3.1.3.1 Penyata Perubahan tersebut tidak perlu disediakan untuk pembayaran Bayaran Khas Prestasi ini. Jabatan Akauntan Negara Malaysia/Jabatan Mengakaun Sendiri akan mengeluarkan Laporan R620A sebagai menggantikan Penyata Perubahan.

3.1.4. Dokumen Sokongan Untuk Baucar Berasingan

3.1.4.1. Oleh kerana Kew.8 tidak diperlukan maka semasa mengemukakan baucar berasingan untuk pembayaran Bayaran Khas Prestasi ini, dokumen berikut boleh diterima sebagai dokumen sokongan:-

Salinan Laporan Gaji bulan November 2001, atau

Salinan Penyata Gaji (pay slip) bulan November 2001 atau

Salinan Lembaran Gaji Manual bulan November 2001 atau

Catatan perkiraan Bayaran Khas Prestasi samada disediakan atas kertas berasingan atau ditaip di belakang baucar.

3.1.5. Kod Urusniaga Bayaran Khas Prestasi

3.1.5.1. Kod-kod urusniaga Bayaran yang perlu digunakan adalah seperti berikut:-

| KOD SODO | KOD ELAUN | |
|----------|-----------|--|
| 15105 | 0034 | Bayaran Khas Prestasi Jawatan Utama |
| 15205 | 0035 | Bayaran Khas Prestasi Pasukan Keselamatan |

3.2. Seperti yang telah ditetapkan di Perenggan 5 Pekeling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2001, pembayaran Bayaran Khas Prestasi adalah menjadi tanggungan Jabatan/Agensi di mana pegawai ditempatkan pada bulan pembayaran. Walau bagaimanapun untuk Pegawai Sektor Awam di mana gaji dibayar oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia/Jabatan Mengakaun Sendiri dan gaji mereka masih dibayar oleh pejabat lama untuk gaji bulan November 2001, maka separuh Bayaran Khas Prestasi akan dibayar di pejabat lama tersebut. Tetapi sekiranya Bayaran Khas Prestasi ini tertinggal dari gaji yang disediakan oleh pejabat lama, maka pejabat

baru hendaklah menyediakan Bayaran Khas Prestasi secara baucar berasingan.

3.3 Bagi membayar separuh Bayaran Khas Prestasi pada bulan Disember 2001 bersama-sama dengan gaji bulan Disember 2001, Pusat Gaji dikehendaki menyediakan Borang Perubahan Gaji Kew. 320 (SG. 20) dan dikemukakan ke Pejabat Perakaunan mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Pejabat Perakaunan.

3.4 Jabatan hendaklah menyemak semula amaun Bayaran Khas Prestasi

yang dibayar dalam bulan November, 2001 dan Disember 2001 bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf berkenaan terutama sekali mereka yang tidak layak menerima imbuhan dan mereka yang hanya layak menerimanya secara "proportionate" seperti yang tersebut di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 1999. Adalah menjadi tanggungjawab Jabatan mengutip semula atau memotong daripada gaji bulan berikut amaun yang tidak layak diterima oleh seseorang Pegawai.

4. PERUNTUKAN UNTUK MEMBAYAR BAYARAN KHAS PRESTASI

4.1. Kementerian/Jabatan/Agenzi Kerajaan hendaklah membayar imbuhan ini daripada peruntukan Belanja Mengurus 2001 yang sedia ada. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Perbendaharaan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

(SITI MASLAMAH BINTI OSMAN)

Akauntan Negara Malaysia.

November 2001.

s.k. 1. Ketua Audit Negara.

Semua Pegawai Kewangan Negeri.
Semua Akauntan/Bendahari Negeri.
Semua Pengurus Badan-badan Berkanun Persekutuan/Negeri.
Semua Pengurus Pihak Berkuasa Tempatan.
Ketua Pengarah, Jabatan Hasil Dalam Negeri.
Pengurus Besar KWSP.